

13 MAY 2002

Rencana-HIV

RAWATAN HIV TERSEDIA TETAPI RAMAI TIDAK MAMPU

Oleh: Santha Oorjitham

KUALA LUMPUR: Lebih daripada 44,000 orang di Malaysia dijangkiti HIV/AIDS tetapi hanya kira-kira 700 yang mampu membeli ubat yang dapat mengawal penyakit membunuh itu dan memberi mereka peluang untuk hidup seperti biasa.

Rawatan "Highly Active Antiretroviral Therapy" atau HAART, yang merupakan kombinasi kuat tiga atau empat ubat-ubatan yang menurunkan virus kepada paras di bawah tahap boleh dikesan yang menghalangnya daripada memusnahkan sistem kekebalan badan, mengurangkan jangkitan serta membantu menghalang HIV daripada menjadi AIDS.

Mengapa tidak ramai orang mendapatkan rawatan ini? Satu daripada sebabnya ialah kos ubat-ubatan ini yang mahal.

Harganya jatuh mendadak sejak beberapa tahun lepas dan kerajaan Malaysia kini cuba menurunkan lagi kosnya.

Setengah rakyat Malaysia mengelak menjalani ujian HIV kerana bimbang stigma HIV/AIDS atau kerana mereka menganggap tiada rawatan untuk penyakit itu. Tetapi ramai daripada mereka juga tidak mampu membiayai kos rawatan HAART.

Para doktor berkata faktor ini menyebabkan penyakit itu sukar dirawat dan ia tersebar dengan lebih mudah.

KOS UBAT-UBATAN MAHAL

Michael Chow yang menjalankan Faith Helping Centre, sebuah pusat yang menempatkan mereka yang dijangkiti HIV/AIDS, mendapati beliau mendapat HIV sepuluh tahun lepas tetapi tidak mampu membiayai kos rawatan.

Beliau hanya mula menggunakan HAART tahun lepas setelah doktornya memasukkan beliau dalam ujian percubaan antarabangsa bagi ubat-ubatan baru.

"Sebenarnya, doktor menasihatkan saya untuk memulakannya beberapa tahun lepas," katanya tetapi ubat itu mahal. Ramai orang tidak berkemampuan. Jadi saya menanggungkannya hingga saya dapat ubat percuma.

Selepas memulakan rawatan HAART, tahap viral Michael iaitu jumlah virus dalam darah, turun daripada 160,000 salinan bagi setiap milliliter kepada di bawah 50 salinan se milliliter, iaitu di bawah paras boleh dikesan.

Dan sistem kekebalan badan, diukur dengan jumlah sel darah putih CD4, juga semakin baik dan tidak lagi dijangkiti penyakit.

Di negara-negara maju, di mana orang ramai yang menghidap HIV/AIDS dan mampu menjalani terapi HAART, wad dan hospis HIV ditutup kerana doktor boleh merawat mereka sebagai pesakit luar menggunakan kaedah HAART.

Tetapi di Malaysia, Ketua Unit Penyakit Berjangkit Fakulti Perubatan Universiti Malaya Dr Adeeba Kamarulzaman berkata ramai orang yang menghidap HIV hanya datang untuk mendapatkan rawatan pada saat-saat akhir, kebiasaannya kerana tidak mampu.

Beliau berkata di negara-negara maju, di mana penyakit itu dikawal dengan baik, pesakit jarang mendapat jangkitan dan kadar kematian menurun.

Namun 80 peratus daripada pesakit beliau hanya datang selepas mereka mendapat penyakit klinikal.

Seorang daripada pesakit terbabit, sebagai contoh, tidak mendapatkan rawatan sehinggalah dia menghidap pneumonia yang teruk: "Pesakit ini mengetahui mengenai status HIVnya lima tahun lepas," katanya "tetapi gagal mendapatkan rawatan perubatan kerana pelbagai sebab, satu daripadanya bimbang dia tidak mampu membiayai kos rawatan."

KOS TINGGI UNTUK BIAYAI PENYELIDIKAN?

Dr Adeeba yang juga ahli jawatankuasa eksekutif Majlis AIDS Malaysia berkata HAART juga menyekat penyebaran virus, sebagai contoh daripada ibu mengandung kepada bayi melalui air mani semasa perhubungan jenis.

Melalui rundingan dengan pembekal ubat HIV/AIDS, Kementerian Kesihatan berjaya menurunkan kos rawatan HAART bagi seorang pesakit daripada kira-kira RM\$1,600 sebulan tahun lepas kepada RM845 sebulan sekarang.

Namun, kerajaan dan Majlis Aids Malaysia berharap kos itu dapat dikurangkan lagi.

Kerajaan Malaysia sedang berunding dengan para pembekal untuk mengurangkan lagi harga dan juga sedang menimbang pilihan lain.

Sebuah syarikat farmaseutikal bagaimanapun berkata mereka memerlukan pembiayaan untuk meneruskan penyelidikan supaya dapat membangunkan ubat baru.

Semua pesakit doktor kerajaan mendapat satu daripada tiga atau empat ubat HAART secara percuma jika ubat itu didaftarkan.

Kementerian kesihatan kini berunding bagi menurunkan kos itu kerana ia merancang untuk menawarkan terapi percuma kepada semua pesakit yang kiraan sel darah putih CD4 mereka di bawah 200, yang menunjukkan sistem ketahanan badan seseorang itu sangat lemah.

Dan Timbalan Pengarah Perkhidmatan Farmaseutikal Kementerian Kesihatan Lai Lim Swee berkata kementerian itu sedang menimbang pilihan lain, termasuk membenarkan syarikat tempatan mengeluarkan versi generik.

"Beberapa syarikat farmaseutikal tempatan menyuarakan minat untuk mengeluarkan ubat HIV/AIDS di peringkat tempatan," katanya. "Ubat-ubat ini tidak dipatenkan di Malaysia. Produk mereka sedang didaftarkan oleh Pihak Pengawal Ubat-ubatan Malaysia. Apabila diluluskan, kos ubat ini akan diturunkan lagi.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir berkata Malaysia sedang menimbang "untuk mewajibkan pelesenan" bagi ubat HIV/AIDS dikeluarkan di peringkat tempatan atau pengimportan selari daripada negara yang mengeluarkan ubat versi lebih murah seperti India dan Thailand.

Beliau berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menetapkan tempoh akhir: "Mereka telah mendapatkan semua syarikat ubat dan memberitahu supaya bersedia menurunkan sendiri harga dan saya yakin mereka telah diberikan tempoh enam bulan untuk berbuat demikian atau dibatalkan hak untuk mengeluarkan versi generik atau pengimportan selari.

LEBIH BANYAK PELABURAN DALAM R&D DIPERLUKAN

GlaxoSmithKline, syarikat yang mendakwa menemui terapi anti-retroviral pertama berkata syarikat itu sedang berbincang dengan Kementerian Kesihatan bagi mengurangkan harga sehingga 50 peratus.

Bagaimanapun David Franklin, pengarah urusan bagi farmaseutikal, berkata syarikat perlu terus melabur dalam penyelidikan dan pembangunan ubat baru kerana virus HIV berubah dan mereplika atau membuat salinan dengan cepat selain membentuk ketahanan kepada ubat-ubatan sedia ada.

"Kami perlu membuat duit dengan menjual produk HIV supaya kita boleh terus menjalankan penyelidikan," katanya. "Jika kita tidak dapat, kita tidak pasti siapa yang boleh."

Franklin berkata syarikat itu merupakan sebahagian daripada "Accelerated Access Initiative" antarabangsa, badan yang bergabung dengan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, Bank Dunia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi menyediakan ubat pada kos marginal iaitu kira-kira US\$2 sehari kepada negara yang HIV/AIDS merupakan "bencana utama" -- seperti Botswana dengan 36 peratus penduduk dewasanya dijangkiti.

Situasi di Malaysia, katanya adalah berbeza.

--Bernama
SMO KGO LAT RR